

**SKIM PERKHIDMATAN
PENGAJAR**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2009

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred U41	:	P1T1 RM1999.19	-	P1T24 RM4723.81
		P2T1 RM2095.20	-	P2T24 RM5022.83
		P3T1 RM2195.39	-	P3T24 RM5317.92
Gred U44	:	P1T1 RM3028.90	-	P1T14 RM5018.81
		P2T1 RM3358.68	-	P2T14 RM5547.49
Gred U48	:	P1T1 RM4431.54	-	P1T8 RM5882.85
		P2T1 RM4871.25	-	P2T8 RM6439.46
Gred U52	:	P1T1 RM4992.31	-	P1T8 RM6443.62
		P2T1 RM5465.42	-	P2T8 RM7033.63
Gred U54	:	P1T1 RM5258.09	-	P1T8 RM6843.02
		P2T1 RM5722.85	-	P2T8 RM7466.41

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - (d) telah berdaftar dengan Lembaga dalam bidang yang berkaitan (jika berkenaan);
- dan (e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Jurupulih Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan, Juru X-ray, Jururawat Pergigian, Juruteknologi Pergigian, Penolong Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) memiliki kelayakan dalam perenggan 1(c) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pengajar yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pengajar boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pengajar dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pengajar yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi pekhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pengajar hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U44**

10. Pengajar Gred U41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pengajar Gred U44 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U48**

11. Pengajar Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pengajar Gred U48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U52**

12. Pengajar Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengajar Gred U52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U54**

12. Pengajar Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengajar Gred U54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2005 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005, JPA(S)324/14/24 KIt.18(52)]